



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

KESELAMATAN JALAN RAYA TANGGUNGJAWAB SEMUA

Tarikh Dibaca :

**13 SYAABAN 1440H/
19 APRIL 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



KESELAMATAN JALAN RAYA, TANGGUNGJAWAB SEMUA

Hari Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia ke-73

19 April 2019M / 13 Syaaban 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا
وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلُّهَا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْفُلُكِ وَالْأَنْعَمِ مَا تَرَكَبُونَ ﴿١٢﴾ لِتَسْتَوُا عَلَى ظُهُورِهِ

ثُمَّ تَذَكَّرُوا نِعْمَةَ رَبِّكُمْ إِذَا أَسْتَوَيْتُمْ عَلَيْهِ وَنَقُولُوا سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ

مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh menyempurnakan perintahNya dan bertekad sepenuh hati meninggalkan laranganNya. Mudah-mudahan dengan amalan yang dilaksanakan demi ketaatan selaku hamba Allah Yang Maha Esa, kita memperoleh keredhaanNya di dunia serta dianugerahkan nikmat syurga di akhirat kelak.



Mimbar pada hari ini, akan membicarakan khutbah bertajuk "**Keselamatan Jalan Raya, Tanggungjawab Semua**".

Sidang Jemaah yang dikasihi Allah,

Alhamdulillah, dalam menjalani kehidupan ini, kita bersyukur di atas pelbagai nikmat Allah SWT dan di antaranya adalah nikmat kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh kerajaan seperti jalan raya. Jaringan jalan raya sebagai penghubung antara masarakat pelbagai negeri sentiasa dinaik taraf sesuai dengan perkembangan semasa masyarakat dan teknologi.

Namun amat menyedihkan apabila melihat kemalangan jalan raya semakin meningkat setiap tahun. Seringkali kita dipaparkan sama ada di televisyen, dada-dada akhbar, radio maupun di laman sosial dengan berita kemalangan jalan raya yang meragut nyawa manusia. Peristiwa ini merupakan suatu trauma ngeri bagi sesiapa sahaja yang mengalaminya. Selain daripada meninggalkan kenangan pahit di dalam kehidupan, mangsa juga turut menanggung berbagai-bagi penderitaan kerana kecacatan anggota tubuh badan atau kehilangan orang tersayang.

Berdasarkan Statistik Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa pada tahun 2017, kemalangan Jalan Raya berada di Tangga ke-4 sebagai punca utama kematian rakyat Malaysia. Statistik kemalangan maut pada tahun 2018 pula mencatatkan sebanyak 6,284 kematian dengan purata 18 kematian sehari atau 1 kematian setiap 1 jam 20 minit. Statistik juga menunjukkan sebanyak 4128 kematian melibatkan penunggang dan pembonceng motorsikal. Manakala berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia, sebanyak 30% kematian adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motorsikal yang berumur diantara 16 ke 25 Tahun. Dan sejumlah 40% daripadanya tidak mempunyai lesen memandu.



Kemalangan jalan raya adalah suatu musibah yang tidak dijangka. Namun kemalangan ini seringkali berlaku akibat daripada pelanggaran peraturan jalan raya. Terdapat beberapa faktor utama yang menjadi punca kemalangan jalan raya :

Pertama : Sikap dan tabiat pemanduan buruk pengguna jalan raya seperti memotong di garisan berkembar, melawan arus, melanggar lampu isyarat, menyalahgunakan laluan kecemasan dan lumba haram. Ia bukan sahaja mengundang kecelakaan kepada diri sendiri tetapi turut mengorbankan pengguna lain yang tidak bersalah.

Kedua: Kecuaian pengguna jalan raya seperti pemanduan melebihi had laju yang ditetapkan, tidak memasang lampu isyarat ketika membekok, memandu dalam keadaan mengantuk, kurang berhati-hati ketika memandu dalam cuaca buruk, serta penggunaan telefon bimbit ketika memandu sehingga mengundang kepada kecelakaan jalan raya.

Ketiga: Keadaan jalan raya yang berlopak, licin, berselekoh tajam dan halangan di jalan raya seperti batu, kayu akibat tidak diselenggara oleh pihak berwajib ditambah dengan cuaca buruk turut menjadi punca berlakunya kemalangan jalan raya.

Keempat: Kelalaian segelintir pengguna jalan raya untuk membuat pemeriksaan kenderaan sebelum pemanduan dan tidak mengambil berat terhadap penyelenggaraan kenderaan sehingga mengakibatkan kenderaan tidak dapat berfungsi dengan selamat.

Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,

Bersemepena dengan sambutan Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) kali ke 73 yang disambut pada 1 April setiap tahun, mimbar mengingatkan para Jemaah sekalian agar membantu



pihak JPJ selaku Agensi yang menguatkuasa dan mentadbir undang-undang jalan raya Malaysia dalam meningkatkan keselamatan jalan raya dengan menghayati saranan berikut :

Pertama : Marilah kita bersama menghargai nikmat kesihatan, keselamatan dan nyawa yang telah dianugerahkan Allah SWT dengan mencegah diri dari melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan diri sendiri mahupun memudaratkan orang lain.

Kedua : Beradab dan bersopanlah ketika berada di jalan raya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan –peraturan jalanraya seperti memakai tali pinggang keledar atau topi keledar, memastikan anak-anak duduk di dalam kerusi keselamatan kanak-kanak dan mematuhi had laju yang ditetapkan. Peraturan yang dirangka bukan untuk membebankan bahkan membantu menjadikan perjalanan lebih selamat dan teratur.

Ketiga : Janganlah mementingkan diri sendiri ketika di jalanraya. Hormati serta sentiasa bertolak ansur terhadap pengguna jalan raya yang lain.

Keempat : Pengguna jalan raya dinasihatkan agar sentiasa memohon perlindungan daripada pada Allah SWT ketika memulakan perjalanan.

Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,

Menjaga keselamatan jalan raya dan berusaha mencegah dari berlakunya kemalangan jalanraya adalah sebahagian daripada maqasid al-syariah dalam aspek pemeliharaan nyawa dan harta. Malah dalam Islam, melakukan sesuatu perkara yang dapat melengkapkan tuntutan agama amatlah dituntut.

Justeru kita mestilah berusaha dengan pelbagai cara untuk mengurangkan risiko dan mencegah daripada berlakunya kemalangan jalan raya. Sikap berhati-hati di jalan raya akan dapat menghindarkan kemalangan maut



daripada berlaku. Biar lambat asal selamat. Slogan pandu cermat jiwa selamat hendaklah dijadikan pedoman. Firman Allah SWT di dalam surah al-Furqan ayat 63 :

٦٣ وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هُوَنَا وَإِذَا خَاطَبُهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا

Bermaksud : "Dan hamba-hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang-orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini."

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Timirzi daripada Abu Zar RA, Rasulullah SAW bersabda :

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ وَاتَّبِعْ السَّيِّئَةَ حَتَّىٰ مَكَاهَا وَخَالِقَ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Bermaksud : "Bertaqwalah kamu kepada Allah di mana saja kamu berada dan ikutilah setiap amalan kejahatan dengan amalan kebaikan yang dapat menghapuskannya serta berakhlaklah kepada manusia dengan akhlak yang baik."

Sidang Jemaah yang dicintai Allah,

Marilah kita bersama menghayati kesimpulan khutbah pada hari ini, antaranya :

Pertama : Beradab dan bersopanlah ketika berada di jalan raya dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalanraya.



Kedua : Janganlah mementingkan diri sendiri ketika menggunakan jalan raya bahkan hormatilah dan bertolak ansur dengan pengguna yang lain.

Ketiga : kita mestilah berusaha dengan pelbagai cara untuk mengurangkan risiko dan mencegah dari berlakunya kemalangan jalan raya untuk menjamin keselamatan diri, keluarga dan masyarakat keseluruhannya.

Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah ayat 51:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

كُلُّ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ



Bermaksud : “*Katakanlah (wahai Muhammad) tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُومِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى النَّبِيِّ
الْأَمِينِ، صَفَوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلٰى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلٰى التَّابِعِينَ
وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً
عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعُدُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلٰى صَلٰةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا
إِخْرَاجًا مُتَحَايِّنًا فِي اللّٰهِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِإِمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَتَنَّى
بِعَلَائِكَتِهِ الْمُسِبَّحةُ بِقُدُسِهِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمٍ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكِيَّكَتَهُ، يُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَتَأْمِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا

٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضُ
اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعْهُمْ
بِعِنْكَ وَكَرْمَكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوِهِ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرِتوَانِ اَكُوغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اَبْنِ سُلْطَانِ حَاجُ اَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوِهِ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ ڤِرمَايِسُورِيِّ اَكُوغُ، تُونِکُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ اَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَيَّاهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَّاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَاعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ افِ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِنْهَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا، وَقُلُوبِنَا، وَأَرْوَاحِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنِعْمَكَ، مُشْتِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتَّهَا عَلَيْنَا، رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادُ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.